

NO. SOALAN: 346

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]**

RUJUKAN : 9118

SOALAN:

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan pasukan keselamatan khususnya pihak polis dapat memberi tumpuan kepada peningkatan insiden jenayah di dalam negara.

JAWAPAN:

Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan utama dalam negara untuk mengekalkan Malaysia sebuah negara yang aman, selamat dan sejahtera untuk di duduki. Dalam Pelan Strategik PDRM yang di rangka ke arah menjadikan bidang kepolisan bertaraf dunia turut mengambil kira program yang di rancangkan oleh pihak kerajaan seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP). Dalam Bajet 2016 kerajaan telah meningkatkan keupayaan Polis Diraja Malaysia bagi memastikan rakyat merasa selamat dengan meluluskan beberapa inisiatif seperti berikut:

- i. Membina beberapa balai polis baru dan Ibu Pejabat Polis Daerah yang baru
- ii. Memberi peruntukan sebanyak 500 buah kereta peronda bagi menguatkan lagi langkah-langkah pencegahan jenayah di samping mengantikan sebanyak 1200 unit kereta peronda yang telah usang dan lama.
- iii. Menambah sebanyak 500 buah motosikal sebagai penambahan sebanyak 2818 unit yang sedia ada bagi rondaan dikawasan kawasan perumahan dan kawasan perniagaan.
- iv. Menambah perjawatan Sukarelawan Polis Bantuan 10,000 anggota setiap tahun menjadikan seramai 50,000 anggota sahingga tahun 2018.
- v. Menambah perjawatan baru dalam Polis Diraja Malaysia
- vi. Meningkatkan keupayaan komunikasi dalam PDRM (C4i)

Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Frost & Sullivan terhadap perasaan takut masyarakat terhadap jenayah telah meningkat kepada 53% pada 2014. Ini merupakan perkembangan baik dalam urusan pencegahan jenayah dan kesejahteraan masyarakat secara amnya.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : **DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]**
DARIPADA

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil kajian daripada pihak Kementerian terhadap pelaksanaan PPSMI yang dimansuhkan pada tahun 2009 dan adakah Kementerian meneliti kajian tersebut sebelum melaksanakan DLP yang mirip dengan PPSMI.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dual Language Programme (DLP) adalah satu program yang berbeza dengan PPSMI. DLP bukanlah satu dasar, sebaliknya merupakan satu program pengukuhan bahasa Inggeris berasaskan pilihan sekolah di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). DLP dijalankan berkonsepkan ‘berasaskan pilihan sekolah’ yang mana ia adalah program pilihan sekolah, guru dan ibu bapa yang secara sukarela menjalankannya. Di samping itu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga sedang merancang untuk memastikan kelestarian program ini.

Program Pemantauan dan Penilaian PPSMI telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2008 bagi mengkaji keberkesanan pelaksanaan Dasar PPSMI. Dapatan Kajian tersebut seperti berikut:

- Sebanyak 93.4 peratus guru sekolah rendah dan 71.7 peratus guru sekolah menengah masih di bawah tahap kompetensi *Proficient User*. Oleh yang

demikian, profisiensi guru yang mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (BI) pada umumnya adalah pada tahap rendah.

- Di sekolah rendah juga didapati bahawa seramai 39,660 guru, iaitu 46.7 peratus daripada keseluruhan guru Sains dan Matematik menggunakan kurang daripada 50 peratus masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk mengajar dalam BI.
- Di sekolah menengah pula seramai 17,358 orang guru, iaitu 42.3 peratus daripada keseluruhan guru Sains dan Matematik menggunakan kurang daripada 50 peratus masa PdP untuk mengajar dalam BI.

Hasil daripada dapatan kajian ini memutuskan sekolah untuk membuat pilihan sama ada untuk mengikuti program DLP secara sukarela bagi mengukuhkan lagi prestasi BI di kalangan murid di sekolah berkenaan.